

HOKI TERBUKA UPSI 2008

Pada 24 hingga 26 Oktober 2008 yang lalu pasukan Hoki Pelajar dan Staf UniMAP telah menyertai kejohanan “UPSI INDOOR HOCKEY OPEN 2008” yang bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kejohanan ini adalah merupakan kejohanan Hoki Dewan yang dianjurkan oleh Kelab Hoki UPSI dan Persatuan Hoki Negeri Perak. Seramai 21 orang pemain dari kalangan pelajar dan 16 orang pemain di kalangan Staf telah mengambil bahagian pada kali ini. Para pelajar telah bermain pada kategori terbuka IPTA Lelaki dimana seramai 36 pasukan telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini yang mana melibatkan IPTA dan IPTS. Manakala pasukan Hoki Staf UniMAP pula telah menyertai bagi kategori terbuka lelaki dimana pada penyertaan kali ini adalah sebanyak 28 pasukan yang bertanding melibatkan pasukan elit dari seluruh Negeri Perak.

Pasukan pelajar UniMAP telah dibahagikan kepada dua pasukan iaitu UniMAP A berada dalam kumpulan bersama UNITEN, UPSI C, UTeM A dan MMU Melaka. Manakala pasukan UniMAP B diletakkan bersama UteM B, MMU Kuala Lumpur, UPSI A dan

Matrikulasi Pahang. Pencapaian pada penyertaan kali ini amatlah baik pada tahun berikutnya dimana kedua-dua pasukan pelajar layak memasuki peringkat suku akhir dimana UniMAP A kalah kepada MMU KL (1-2) dan UniMAP B kalah kepada UNITEN C dengan (1-4).

Bagi pasukan staf yang juga terdiri daripada dua pasukan iaitu UniMAP C dan UniMAP D dimana pasukan UniMAP C diletakkan bersama-sama pasukan Pilihan UPSI, Politeknik Pahang, Felda Trolak, Perak Old Boys dan pasukan Yeop Perak. Manakala pasukan UniMAP D pula diletakkan bersama-sama pasukan Kubang Kerian Team, PMP Pelapis Muda Perak, Projek Tunas Perak, dan UPSI. Pada kejohanan ini pasukan UniMAP C hanya dapat melepassi peringkat separuh akhir dan pasukan UniMAP D telah mendapat tempat ketiga setelah menewaskan Kubang Kerian A (3-1) pada penentuan tempat 3/4 seterusnya membawa pulang pingat gangsa dan juga wang tunai berjumlah RM 350.00. Pasukan ini ketuai oleh En Hirwan Jasbir Jaafar selaku pengurus pasukan pada kali ini.